

# BROZIL CAPSULE

Gemfibrozil (300 mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan BROZIL CAPSULE
2. Bagaimana BROZIL CAPSULE berfungsi
3. Sebelum menggunakan BROZIL CAPSULE
4. Cara menggunakan BROZIL CAPSULE
5. Semasa menggunakan BROZIL CAPSULE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan BROZIL CAPSULE
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan BROZIL CAPSULE

BROZIL CAPSULE digunakan untuk mengurangkan paras lipid/lemak yang tinggi dalam darah. Ia digunakan untuk pesakit yang gagal menurunkan paras lipid melalui pengawalan diet, pengurangan berat badan ataupun cara-cara bukan ubat.

## Bagaimana BROZIL CAPSULE berfungsi

BROZIL CAPSULE ialah agen penyelaras lipid yang menurunkan paras lipid darah terutamanya trigliserida (sejenis lipid) dan seterusnya *total cholesterol* (jumlah keseluruhan kolesterol)

## Sebelum Mengambil BROZIL CAPSULE

### - Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Brozil jika anda:

- alah terhadap gemfibrozil
- seorang alkoholik
- mempunyai masalah hati iaitu *primary biliary cirrhosis*
- mempunyai masalah batu hempedu

### - Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun menghadapi sebarang masalah kesihatan lain seperti

masalah buah pinggang atau kegagalan hati.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ingin menggunakan BROZIL CAPSULE bersama dengan ubat yang lain. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang tidak memerlukan preskripsi. Gemfibrozil mungkin berinteraksi dengan ubat statins (ajen penurunan kolesterol) dan warfarin (ubat untuk menghalang pembekuan darah).

Dapatkan nasihat daripada doktor ataupun ahli farmasi sekiranya anda berasa ragu-ragu, kerana mereka mempunyai senarai lengkap ubat-ubatan yang boleh berinteraksi dengan BROZIL CAPSULE sekiranya diambil bersama-sama.

## Cara menggunakan BROZIL CAPSULE

### - Berapa banyak harus diambil

Dos yang disyorkan ialah 2 kapsul (600 mg) 2 kali sehari.

### - Bila perlu diambil

BROZIL CAPSULE perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Ubat ini boleh diambil 30 minit sebelum sarapan pagi dan makan malam.

### - Berapa lama perlu diambil

BROZIL CAPSULE perlu diambil mengikut nasihat doktor anda. Doktor anda mungkin akan menghentikan preskripsi sekiranya tindak balas penurunan paras lipid/lemak masih tidak mencukupi selepas tiga bulan pengambilan Brozil.

### - Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Minta bantuan perubatan.

## Semasa menggunakan BROZIL CAPSULE

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda. Sila beritahu doktor jika anda rasa anda mengandung atau merancang untuk mengandung semasa mengambil Brozil.

Brozil tidak digalakkan untuk diambil oleh ibu yang menyusukan bayi. Sila dapatkan nasihat doktor sebelum menyusukan bayi anda.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Perhatian perlu diberikan kepada pesakit yang pernah menghadapi penyakit hati. Pesakit yang sedang menerima rawatan dengan lovastatin bersama dengan gemfibrozil mempunyai risiko yang lebih tinggi mengalami *rhabdomyolysis* (kerosakan otot) dan peningkatan kepekatan *creatinine kinase* (sejenis enzim yang dihasilkan dari sel otot) dan *myoglobinuria* (kehadiran myoglobin dalam kencing, disebabkan oleh rhabdomyolysis) yang menyebabkan kegagalan buah pinggang akut. Gemfibrozil meningkatkan kesan anti-pembekuan oral yang boleh menyebabkan pendarahan dan seperti yang diramalkan, Gemfibrozil juga boleh menyebabkan *lithogenicity biliary* (pembentukan kalkuli) dengan kejadian batu karang yang meningkat dalam jangka panjang.

### - Kesan-kesan sampingan

Kesan-kesan sampingan yang mungkin dialami termasuk perubahan dalam kekerapan membuang air besar, cirit-birit, sakit perut, muntah. Kesan sampingan yang jarang adalah seperti

otot sakit, lenguh dan lemah dan batu hempedu.

Jika anda menghadapi sebarang kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di sini, sila dapatkan nasihat doktor anda dengan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers* → *Reporting*).

### **Cara penyimpanan dan pelupusan BROZIL CAPSULE**

#### **- Penyimpanan**

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

#### **- Pelupusan**

BROZIL CAPSULE perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

### **Maklumat lanjut**

#### **- Rupa dan warna produk**

BROZIL adalah kapsul gelatin keras bersaiz #0 dengan tudung berwarna merah (maron) dan badan berwarna putih, mengandungi serbuk putih, tudung dan badan mempunyai perkataan "G 300".

#### **- Bahan –bahan kandungan**

Bahan aktif-  
*Gemfibrozil*

Bahan-bahan tidak aktif-  
*Colloidal silicon dioxide, Magnesium Aluminium Silicate, Sodium Starch Glycolate, Stearic Acid, Sodium Lauryl Sulfate, Potato starch*

#### **- Nombor MAL**

MAL 19940371AZ

### **Pengilang**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.  
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,  
Kawasan Perindustrian Bandar Baru  
Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.  
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,  
Kawasan Perindustrian Bandar Baru  
Bangi,  
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia.

### **Tarikh kemaskini RiMUP:**

05 Oktober 2015

### **Nombor siri**

BPFK(R4/1)070915/00303